



## MAKLUMAT JAWATAN DAN SYARAT LANTIKAN

1. Jawatan/Gred : **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41**

2. Klasifikasi Perkhidmatan : **SISTEM MAKLUMAT**

3. Kumpulan Perkhidmatan : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

4. Penempatan : **DBP IBU PEJABAT**

5. Jadual Gaji (sebulan) :

Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
2,315.00	9,618.00	225.00

**Imbuan Tetap Khidmat Awam: RM300.00**

**Imbuan Tetap Perumahan: RM300.00**

**Bayaran Imbuan Sara Hidup: RM300.00**

6. Syarat Lantikan : i. Warganegara Malaysia;  
ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh akhir iklan jawatan;  
iii. Kelayakan dan gaji permulaan;

- Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan Gred F41: RM2,315.00)**; atau

- Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan Gred F41: RM2,833.78)**; atau

- Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan Gred F41: RM3,145.11)**

7. Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) : i. **SPM**  
• Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau

- Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kejujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

ii. **SVM**

- Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
- Kelayakan SVM dalam bidang yang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

8. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) Mempunyai kelayakan di perenggan 6(iii) dan 7; dan
  - b) Had umur pelantikan:
    - i. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
9. Ringkasan Tugas : Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, membuat penyelenggaraan serta kajian semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan.